



■ Tuanku Abdul Halim menyampaikan anugerah kepada graduan cemerlang pada majlis konvokesyen Insaniah, di Dewan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah.

Insaniah mercu tanda baru

ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR - Kolej Universiti Insaniah diiktiraf sebagai mercu tanda Kedah yang baru setaraf dengan Balai Besar, Masjid Zahir, Terusan Wan Mat Saman dan Menara Alor Setar apabila semakin dikenali di peringkat antarabangsa.

Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah yang juga Canselor Insaniah bertitah, perkembangan pesatnya menambahkan lagi kemajuan yang dicapai negeri ini, sejak bermulanya era pemedanan pada abad ke-19.

"Beta berharap Insaniah akan muncul sebagai salah sebuah universiti terunggul di Asia dan dunia dengan peningkatan jumlah pelajar antarabangsa, yang memberi suasana baru kepada rakyat Kedah.

"Beta harap rakyat negeri ini dapat menerima kehadiran mereka dan bertoleransi dengan budaya luar," titahnya pada majlis konvokesyen ke-12 Insaniah, semalam.

Menurutnya, pertambahan pelajar dua kali ganda pada tahun ini iaitu 6591 orang berbanding 3836 tahun lalu amat membanggakan berharap pihak berkepentingan mengambil tindakan sewajarnya untuk menjamin kestabilan dan kesempurna-

"Beta harap setiap aspek perkembangan di Insaniah dirancang dan diperhalusi agar tidak tempang. Tidak dinafikan Insaniah memerlukan peruntukan lebih besar untuk menampung kos bagi menjamin kualiti program bertaraf global," titahnya.

Baginda turut kagum dengan pencapaian Insaniah yang ditubuhkan sejak 15 tahun lalu, terutama dari aspek kurikulum, kemudahan dan kepakaran akademik yang kini setanding dengan universiti lain.

"Beta harap taraf Insaniah akan ditingkatkan kepada sebuah universiti apabila siapnya kampus tetap di Kuala Ketil. Perkembangan di Insaniah mengkagumkan apabila ditadbir dengan baik oleh kepimpinannya selain pengisian program baru," titah baginda.

Tuanku Abdul Halim bertitah, selain kuliah pengajian Islam yang semakin mantap, Insaniah turut memberi tumpuan dalam program kejuruteraan, perubatan dan hospitaliti serta perkhidmatan halal. Penawaran program berkualiti seperti itu pasti melonjakkan namanya.

"Insaniah memberi peluang kepada pelajar Islam mendapat tempat melanjutkan pengajian dalam program berprestij, sekali gus rakyat negeri ini tidak perlu

hantar anak belajar di luar negara," titahnya.

Baginda bertitah, langkah berani Insaniah harus dipuji apabila menawarkan lapan program pasca siswazah tahun ini, sekali gus melonjakkan Insaniah sebagai pusat penyelidikan.

Insaniah kini turut merancang menubuhkan sebuah sekolah antarabangsa melalui kerjasama dengan beberapa negara Islam lain demi memperkasa sistem pendidikan Islam di peringkat antarabangsa.

Tuanku Abdul Halim turut menyeru graduan Insaniah sentiasa menyumbang idea dan berkongsi pengalaman bagi memantapkan lagi kolej itu agar muncul terbaik di rantau Asia.

"Beta berharap graduan menghayati falsafah, visi dan misi pengajian tinggi selain memupuk nilai-nilai murni dengan menjadikan kerjaya sebagai suatu ibadah dan profesion mulia," titah baginda.

Pada konvokesyen ini, 617 graduan berjaya menamatkan pengajian, menjadikan jumlah keseluruhan graduan Insaniah 3,433 orang.

Tuanku Abdul Halim turut berkenan menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Keusahawanan dan Muamalat) kepada Pengerusi QSR Brands Bhd, Tan Sri Muhammad Ali Hashim